



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor tempatan yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dan **Kerajaan Negeri Selangor** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Tempat Lawatan Tapak / Taklimat	Pembelian Dokumen	Waktu & Tarikh Tutup
KERJA-KERJA MENGECAT SEMULA DUA (2) BLOK BANGUNAN LIMA (5) TINGKAT SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BAWAH PROJEK SELANGOR PENYAYANG (PSP) TAHUN 2025 DI PANGSAPURI SRI MELEWAR, JALAN JURUWANG AU1/A, SEKSYEN U1, 40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN No. Sebut Harga: LPHS/SH/K/26/02 No. Fail : LPHS.UPA.400-5/7/203	Kontraktor Berdaftar Di: NEGERI SELANGOR Kontraktor Berdaftar dengan CIDB Gred: G3 Kategori: B (BANGUNAN) Pengkhususan: B14 (KERJA-KERJA CAT) Dan Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Pematuhan Cukai (TCC) Dan Berdaftar Dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	RM50.00 Pembayaran Secara Online (FPX) Melalui Sistem Tender Selangor (Dokumen Hanya Akan Dijual Kepada Syarikat Yang Hadir Lawatan Tapak)	Tarikh : 22 Januari 2026 (Khamis) Masa : 02.30 Petang Tempat : Pejabat Pengurusan, Pangsapuri Sri Melewar, Seksyen U1, Shah Alam Koordinat: 3.09507° , 101.55675° Kehadiran Taklimat adalah WAJIB (Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil)	Bermula 23 Januari 2026 (Jumaat) sehingga 29 Januari 2026 (Khamis)	30 Januari 2026 (Jumaat) Jam 12.00 tengah hari

Dokumen Meja Sebut Harga boleh disemak bermula pada **16 Januari 2026 (Jumaat)** pada waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) - Bahagian Khidmat Pengurusan. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **016-229 0449 (Unit Perolehan Dan Aset)**.

Dokumen Sebut Harga **hanya akan dijual kepada Syarikat yang hadir Lawatan Tapak melalui Sistem Tender Selangor iaitu di <https://tender.selangor.gov.my>.**

Lawatan Tapak hanya boleh dihadiri oleh **penama yang dinamakan** di dalam **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)/ Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja**. Untuk maksud ini, penama tersebut hendaklah **membawa DOKUMEN ASAL Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB), Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Pematuhan Cukai (TCC) dan Berdaftar dengan UPEN Selangor** serta masih aktif dan tempoh sah laku syarikat masih berkuatkuasa semasa pembelian dokumen sebut harga. Sila bawa **satu salinan bagi setiap sijil tersebut (WAJIB)** semasa Lawatan Tapak Sebut Harga. **Sila Bawa Bersama Cop Syarikat (*PENERIMAAN DOKUMEN SECARA DALAM TALIAN / MOBILE TIDAK TERPAKAI. SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DILAYAN)**

Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan secara **Hardcopy** yang telah lengkap diisi hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang menyatakan tajuk kerja serta nombor Sebut Harga berkenaan pada sebelah atas kiri sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari, 30 Januari 2025 (Jumaat)** kepada:

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor
Tingkat 5, Podium Utara
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 SHAH ALAM
Selangor Darul Ehsan

Dokumen Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) tidak terikat menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran Sebut Harga.

Sebarang pindaan kepada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan di dalam iklan ini adalah **tertakluk kepada arahan-arahan oleh pihak Kerajaan Malaysia yang sedang berkuat kuasa dari masa ke semasa.**

Kenyataan Sebut Harga ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) iaitu <http://lphs.selangor.gov.my> dan Sistem Tender Selangor <https://tender.selangor.gov.my>.

Tarikh: 16 Januari 2026 (Jumaat)